

---

Submission date: 22 Feb 2023    Received in revised form: 11 Apr 2023    Acceptance date: 01 May 2023    Available online: 13 May 2023

## **PENGESAHAN ANAK TAK SAH TARAF - PROTOKOL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PERUNDANGAN SYARIAH MENGGUNAKAN METODE KAJIAN KES**

### **VERIFICATION OF ILLEGITIMATE CHILDREN - SHARIAH LAW TEACHING AND LEARNING PROTOCOL USING CASE STUDY METHOD**

<sup>i,\*</sup>Lukman Ab Mutalib & <sup>ii</sup>Osama Ibraim Ayad Sawan

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

<sup>ii</sup>Embassy of Libya, SHIS QI 15 chácara 26, Lago Sul 71.600-750, Federative Republic of Brazil.

\*(Corresponding author) e-mail: [lukman@usim.edu.my](mailto:lukman@usim.edu.my)

**DOI:** <https://doi.org/10.33102/mjsr.vol11no1.427>

### **ABSTRACT**

The issue of verifying the status of children is a recurring topic within the community. Unfortunately, amidst the numerous daily issues that arise, this particular matter tends to be overlooked. While it was previously a prominent subject of discussion across different societal levels, it has been overshadowed by subsequent concerns. One contributing factor to this is the absence of a definitive ruling from an authoritative religious body in Malaysia. Additionally, disagreements among scholars on this matter persist, compounded by the fact that religious affairs fall under the jurisdiction of the Sultan, the King, and the States as stipulated in Article 3(2) of the Federal Constitution and the Eighth Schedule II of the same Act. This study adopts a problem-based learning approach commonly employed in Shariah lectures. Its objectives encompass cultivating critical thinking among law pupils/students to objectively identify problems, generate solutions, and subsequently justify those solutions. Throughout this process, students are encouraged to explore various methods of data collection and analysis, thereby comprehending and analyzing the study's underlying concepts. The analytical techniques employed encompass descriptive, deductive, inductive, and comparative analysis. The outcomes of this systematic problem-solving process facilitate a comprehensive understanding of legal issues, thereby contributing to the development of law students' skills, particularly in Shariah, when confronted with similar cases. This study suggests the application of a case study-based approach, similar to the one employed here, to other relevant cases. By doing so, the skills of law pupils/students, particularly in the field of Shariah, can be enhanced, leading to more effective learning and teaching processes.

**Keywords:** Case study method, shariah law, problem-based learning, illegitimate children

### **How to cite (APA 6<sup>th</sup> Style):**

Ab Mutalib, L., & Sawan, O. I. A. (2023). Pengesahan anak tak sah taraf - protokol pengajaran dan pembelajaran perundangan syariah menggunakan metode kajian kes: Verification of illegitimate children - shariah law teaching and learning protocol using case study method. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(1), 154-169.  
<https://doi.org/10.33102/mjsr.vol11no1.427>

## ABSTRAK

Isu pengesahan taraf anak adalah antara isu yang sentiasa menjadi perbincangan dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun pun isu ini tenggelam timbul di tengah berbagai-bagi isu yang datang setiap hari. Sekejap ia menjadi isu yang panas sehingga dibincangkan dalam pelbagai peringkat masyarakat, namun ada ketikanya ia tenggelam dibawa arus oleh isu-isu lain yang datang kemudian. Salah satu puncanya ialah kerana belum ada satu kata putus yang tuntas dari badan agama yang berautoriti di Malaysia. Tidak dapat dinafikan antara sebab perkara ini berlaku adalah kerana wujud perbezaan pandangan dalam kalangan ulama berkaitan isu ini di samping urusan agama adalah terletak di bawah bidang kuasa sultan, raja dan negeri-negeri seperti yang termaktub dalam Perkara 3 (2) Perlembagaan Persekutuan dan jadual kelapan senarai II dalam undang-undang yang sama. Makalah ini ditulis sebagai sebahagian dari kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*) yang dijalankan di dalam kelas perundangan Syariah. Tujuan kajian ialah mengasah pemikiran pelajar undang-undang dalam mengenal pasti masalah secara objektif, menyediakan jawapan kepada masalah yang dihadapi dan akhirnya mewajarkan penyelesaian masalah yang dibuat. Dalam proses ini pelajar digalakkan meneroka pelbagai metode pengumpulan dan analisis data dalam memahami konsep, mencerna dan menganalisis kajian. Antara metode analisis yang digunakan ialah analisis deskriptif, deduktif, induktif dan perbandingan. Hasil proses ini membolehkan pelajar boleh memahami dengan jelas proses penyelesaian masalah secara sistematik. Ia seterusnya memberi impak kepada penyelesaian masalah berkaitan perundangan dengan lebih terperinci, jelas dan sistematik sekali gus menyumbang kepada peningkatan tahap kemahiran pelajar undang-undang khususnya Syariah dalam menyelesaikan sesuatu kes. Makalah ini mencadangkan agar proses pembelajaran dan pengajaran berasaskan kajian kes seperti ini diadaptasikan kepada kes-kes lain yang berkaitan agar kemahiran tersebut dapat diterapkan kepada pelajar undang-undang khasnya dalam bidang Syariah.

**Kata Kunci:** Metode kajian kes, perundangan Syariah, problem-based learning, anak tak sah taraf

## Pendahuluan (Kes) – Protokol 1

Pada 26 Disember 2010, Khairul Azmi genap berusia 19 tahun. Dia menetap di Kampung Berol, di sebuah negeri di utara Malaysia. Walaupun berusia masih sangat muda sebagai seorang ayah, namun dia sangat teruja dengan kelahiran anaknya beberapa hari sebelum dia menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke 19 itu. Dia berharap dengan kelahiran anak ini kehidupannya dan isteri akan berubah. Walau bagaimanapun, dia merasakan sesuatu yang tak kena terutama yang berkaitan nasab anak ini.

Khairul Azmi datang dari sebuah keluarga yang sederhana. Ayahnya bekerja sebagai seorang pengawal keselamatan manakala ibunya pula bekerja sebagai tukang masak. Dia adalah anak sulung dari 6 adik beradik. Kekangan mencari rezeki menyebabkan komunikasi keluarga antara mereka tidak rapat. Khairul Azmi jarang dapat bersama dengan kedua ibu bapanya. Tambahan pula dia bersekolah di sebuah sekolah agama rakyat yang agak jauh dari rumah jika berbasikal. Malah, dia juga kerap kali tidak pulang ke rumah dengan menumpang di rumah kawan-kawannya yang tinggal berhampiran dengan sekolah. Keadaan hidup tanpa pemantauan ibu bapa dan guru menyebabkan hidup Khairul Azmi banyak kekurangan dari segi sokongan mental dan rohani. Pada awalnya pelajaran Khairul Azmi baik, tetapi semakin hari semakin lemah. Dia kerap bergaul dengan rakan-rakan rumah tumpangan yang banyak mempengaruhi hidupnya.

Pada usia 16 tahun iaitu tahun 2007, Khairul Azmi telah meninggalkan alam persekolahan apabila diberhentikan akibat keciciran dalam pelajaran dan masalah disiplin. Dia banyak membuang masa berpelesiran bersama kawan-kawan lelaki dan perempuan sepertinya. Pada kebiasaannya, dia hanya pulang ke rumah hanya pada awal pagi atau langsung tidak pulang untuk beberapa hari. Namun begitu, dia tidak pernah mengambil dadah seperti rakan-rakannya yang lain.

Pada 9 Jun 2010, jam 9.00 malam di Masjid Kampung Berol Khairul Azmi telah dinikahkan secara tergesa-gesa dengan Syukriah secara sah. Pernikahan ini sedikit sebanyak menjadi buah mulut orang kampung. Ada antaranya yang membuat andaian yang tidak baik khususnya apabila melihat latar

belakang hidup Khairul Azmi dan Syukriah. Berita tidak baik ini semakin kencang apabila pada 7 Disember 2010, Syukriah telah melahirkan seorang anak perempuan yang sihat dan cukup sifat seberat 3.2 kg pada jam 9.02 minit pagi di Hospital Besar daerah berkenaan. Masa mengandung yang singkat ini bukan sahaja menjadi tanda tanya kepada penduduk kampung malah kepada dirinya sendiri. Khairul Azmi mula merasa sangsi, sama ada anak yang dilahirkan Syukriah ini adalah anak kandungnya. Atas sedikit kesedaran agama yang diperolehi semasa belajar di sekolah agama rakyat. Khairul Azmi cuba mencari jawapan kerana baginya persoalan nasab adalah persoalan yang besar. Ia bukan sekadar persoalan maruah tetapi juga melibatkan soal hukum-hakam, aurat, perwalian nikah dan pewarisan anaknya itu pada masa hadapan.

Dengan penuh rasa ingin tahu Khairul Azmi berjumpa imam Bakhtiar, seorang ustaz dan juga imam yang disegani di kampungnya untuk bertanya soal hukum berkaitan dengan nasab anak tersebut.

(Nota: Kes ini adalah berdasarkan petikan dari catatan mahkamah dan telah disamarkan. Kes ini telah diubahsuai untuk tujuan perbincangan dengan mengelak daripada merujuk terhadap mana-mana pihak.)

### **Panduan Pengajar (*Instructor Guide*) -Protokol 2**

1. Tajuk kajian ialah berkaitan pengesahan taraf anak
2. Sinopsis
3. Hasil Pembelajaran.
4. Objektif pembelajaran
5. Jenis kes
6. Isu utama kes
7. Persoalan kes
8. Arahan proses penyelesaian kes
9. Tanggungjawab pelajar dalam pendekatan kajian kes
10. Peranan fasilitator

#### **Tajuk**

Pengesahan taraf anak.

#### **Sinopsis**

Khairul Azmi memohon pengesahan taraf anaknya yang telah dilahirkan selepas 6 bulan 3 hari dari tarikh perkahwinannya dengan Syukriah mengikut bulan Islam. Syukriah tidak membantah permohonan pengesahan tersebut. Anak tersebut telah dilahirkan secara normal, sihat serta cukup matang.

#### **Hasil Pembelajaran**

Di akhir pembelajaran pelajar akan dapat:

1. Memanipulasi dan menghubungkaitkan kaedah-kaedah hukum dalam menjelaskan sesuatu hukum syarak.
2. Memberi respons yang konkret terhadap permasalahan isu-isu semasa.
3. Mewajarkan keputusan yang diambil.
4. Membuat keputusan berdasarkan bukti yang kukuh.

### ***Objektif pembelajaran***

Di akhir pembelajaran pelajar akan mampu:

1. Menjelaskan kaedah sabitan nasab menurut hukum Islam.
2. Mengenal pasti kepelbagaiannya pandangan-pandangan ulama dalam isu ini bersumberkan dalil-dalil yang muktabar.
3. Merungkai permasalahan 'tak sah taraf' mengikut keperluan setempat dan semasa.
4. Menghayati dan menghargai perbezaan pendapat

### ***Jenis Kes***

Kes yang akan dibentangkan adalah berkaitan 'kaedah membuat keputusan' (*clear decision to be made or decision to be made has to be determined*).

### ***Isu utama (persoalan kes)***

Pelajar perlulah merungkai persoalan utama kes ini iaitu:

- Penasaban anak berdasarkan hukum syarak.

### ***Persoalan kes***

1. Siapakah pemain utama kes ini?
2. Apakah titik persoalan yang memerlukan keputusan?
3. Apakah yang perlu dilakukan oleh Khairul Azmi untuk menyelesaikan isu penasaban anaknya?
4. Buat analisis anda dan jelaskan dalil-dalil muktabar sebelum anda membuat keputusan.
5. Nyatakan keputusan anda dan berikan hujah sokongan dari dalil-dalil muktabar serta kes-kes mahkamah sebelum ini.

### ***Arahan proses penyelesaian kes***

1. Baca dan fahamkan kes ini sebaik-baiknya.
2. Siapakah pemain utama dalam kes ini dan apakah perkara yang perlu dilakukan olehnya.
3. Apakah perkara utama (*subject matter*) yang menjadi titik persoalan dan apakah analisis yang perlu dilakukan dalam melakar keputusan.
4. Dalam kes ini, tidak ada jawapan yang mutlak benar atau salah. Apa yang menjadi keperluan anda ialah bagaimana anda mendapatkan keputusan tersebut dengan menyertakan hujah sokongan.
5. Kelas dipecahkan kepada dua kumpulan yang perlu membuat keputusan. Bentangkan keputusan kumpulan masing-masing.

### ***Tanggungjawab pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran berdasarkan kajian kes***

1. Kajian kes adalah sebahagian dari metode 'pembelajaran berpusatkan pelajar' (*Student centered leaning process*).
2. Setiap pelajar perlulah mengambil bahagian secara positif dan aktif dalam membuat keputusan.

### ***Peranan fasilitator/pensyarah***

1. Pensyarah hanyalah bertindak sebagai fasilitator.
2. Pensyarah perlu mengawal perbincangan agar ia tidak tersasar dari objektif
3. Pensyarah adakalanya perlu bijak menyediakan soalan panduan kepada pelajar untuk mengaktifkan perbincangan.
4. Pensyarah perlulah melihat perbincangan pelajar secara efektif, tidak sekadar melihat kepada keputusan yang diambil malah kepada perbincangan dalam kumpulan sebelum pembentangan hasil kajian.

5. Penilaian rakan sejawat (*peer evaluation*) juga amat disarankan dalam menentukan kualiti persembahan.

### Jawapan Kepada Persoalan Kes – Protokol 3

Persoalan kes ialah:

1. Siapakah pemain utama kes ini?
2. Apakah titik persoalan yang memerlukan keputusan?
3. Apakah yang perlu dilakukan oleh Khairul Azmi untuk menyelesaikan isu penasaban anaknya?
4. Buat analisis anda dan jelaskan dalil-dalil muktabar sebelum anda membuat keputusan.
5. Nyatakan keputusan anda dan berikan hujah sokongan dari dalil-dalil muktabar serta kes-kes mahkamah sebelum ini.

#### **Pemain utama**

Pemain utama dalam kes ini ialah Khairul Azmi. Khairul Azmi adalah seorang suami yang berada dalam keadaan dilema dalam menentukan kesahan taraf anaknya berikutan ia dilahirkan dalam tempoh yang singkat berbanding kelahiran biasa.

#### **Apakah titik persoalan yang memerlukan keputusan?**

Perkara utama yang menjadi persoalan dalam kes ini ialah hukum berkaitan kesahan taraf anak Khairul Azmi. Dalam erti kata lain adakah boleh anak tersebut dinasabkan kepada Khairul Azmi atau tidak. Persoalan ini sangat penting bagi Khairul Azmi kerana ia mempunyai kaitan dengan perkara-perkara lain seperti aurat pergaulan, perwalian, pewarisan dan sebagainya yang mana jika tidak diselesaikan sekarang akan menimbulkan masalah yang besar di kemudian hari. Justeru, dalam merungkai kekeliruan ini Khairul Azmi telah meminta nasihat Imam sebagai seorang yang alim dalam kampung tersebut.

#### **Perkara yang perlu dilakukan oleh Khairul Azmi**

Khairul Azmi perlu meminta nasihat dan pandangan dari pihak yang mempunyai pengetahuan mendalam dan tinggi dalam ilmu agama dan kaedah penentuan nasab menurut Islam (dalam konteks ini pelajar adalah penasihat tersebut).

#### **a. Analisis hukum**

Analisis hukum terbahagi kepada dua, pertama:

- i. Berasaskan dalil muktabar dan
- ii. Berpandukan kepada kes-kes mahkamah terdahulu.

#### **i. Analisis hukum berdasarkan dalil muktabar.**

Dalam membuat sesuatu hukum beberapa perkara perlu di analisa terlebih dahulu dengan mendalam.

Perkara tersebut ialah:

1. Kepentingan nasab dalam Islam
2. Kaedah penasaban anak dalam Islam.
3. Hubung kait persoalan kes dengan hukum Islam
4. Kesimpulan

### **Kepentingan nasab dalam Islam**

Islam sangat mengambil berat persoalan nasab keturunan. Ini kerana penjagaan nasab bukan semata-mata melibatkan urusan kemasyarakatan bahkan juga menjangkau kepada perkara ibadah dan akidah seseorang. Justeru itu, persoalan hubungan nasab sangat penting. Kepentingan Ini dapat dilihat dalam beberapa firman Allah (s.w.t.) yang mana antaranya ialah :

﴿وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنِ الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ نَسَبًا وَصِهْرًا وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا﴾

Terjemahan: Dan Dialah yang menjadikan manusia daripada air mani, lalu dijadikan mereka bernasab keturunan dan bersaudara (persemedaan). Dan sesungguhnya Tuhan kamu (wahai Muhammad) amat berkuasa.

(Al-Quran. Surah Al-Furqan: 54)

Dalam ayat di atas Allah (s.w.t.) menjelaskan bahawa asal kejadian manusia adalah daripada air mani. Daripada percantuman air mani lelaki dan perempuan maka lahirlah nasab keturunan dan persemedaan. Oleh itu, persoalan nasab bukan ditentukan oleh akal pandangan manusia sebaliknya manusia perlu tunduk kepada sistem yang dicipta oleh Allah (s.w.t.).

Allah telah memuliakan manusia melebihi dari segala makhluknya yang lain. Allah (s.w.t.) berfirman:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بْنِ آدَمَ وَحَمَانَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيَّابَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ  
خَلْقِنَا تَفْضِيلًا﴾

Terjemahan: Sesungguhnya kami telah memuliakan keturunan Adam, kami bawa mereka menerokai daratan dan lautan, kami beri kepada mereka rezeki yang baik dan kami lebihkan mereka dari sekalian makhluk yang telah kami cipta dengan beberapa kelebihan.

(Al-Quran. Surah Al-Isra: 70)

Semua makhluk ciptaan Allah (s.w.t) di dunia ini seperti pokok, haiwan, gunung ganang dan sebagainya dicipta sebagai *taskhir* kepada manusia. Manakala manusia pula dicipta untuk menjadi hamba dan khalifah Allah (s.w.t.) di muka bumi ini. Sesuai dengan kemuliaan tersebut, maka Allah (s.w.t.) mencipta untuk mereka sistem kekeluargaan yang lengkap, menentukan kaedah penasaban, perwalian dan pewarisan, mengharamkan zina dan menjadikan kehormatan nasab sebagai salah satu daripada *Kulliyat al-Khams* yang wajib dipelihara dan di jaga. Untuk menjamin hukum hakam ini tidak di cerobohi, Allah (s.w.t.) melarang sama sekali campur tangan akal pandangan manusia bagi mengelak halatuju sistem ini dipengaruhi hawa nafsu. Justeru itu Allah (s.w.t.) telah menurunkan hukum-hakam yang lengkap dan tafsil berkaitan persoalan ini sama ada melalui al-quran dan hadis nabi (s.a.w).

Sebagai contoh, Allah (s.w.t.) membatalkan kaedah penasaban yang berlaku secara adat di zaman Jahiliah melalui sistem “Tabanny” iaitu dengan mem’bin/binti’ anak angkat sebagai anak sendiri. Firman Allah (s.w.t):

﴿وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ يَعْلُمُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ﴾

Terjemahan: Allah (s.w.t.) tidak menjadikan anak-anak yang kamu dakwa sebagai anak kandung itu (anak angkat) sebagai anak-anak kamu sendiri. Segala yang kamu dakwakan mengenai mereka hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Ingatlah Allah (s.w.t.) menerangkan yang benar dan dialah juga yang memimpin ke jalan yang betul.

(Al-Quran. Surah Al-Ahzab: 4)

Hakikatnya Islam tidak menegah seseorang berbuat baik kepada anak angkat atau anak yatim yang dipeliharanya. Malah ia merupakan antara kebajikan yang sangat besar ganjarannya di sisi Allah (s.w.t). Apa yang agama kehendaki, hanyalah memelihara keaslian nasab anak-anak tersebut.

Sebagaimana Islam mengharamkan ‘tabanny’ (iaitu membin/bintikan anak angkat sebagai anak sendiri), Islam juga melarang seseorang menafikan nasab keturunannya sendiri. Ini menunjukkan persoalan nasab bukan pilihan sendiri sebaliknya pilihan Allah (s.w.t.) melalui sistem yang diciptakannya untuk manusia. Sabda Rasulullah (s.a.w.):

وَأَيُّمَا رَجُلٍ جَحَدَ وَلَدَهُ وَهُوَ يَنْظُرُ إِلَيْهِ احْتَجَبَ اللَّهُ مِنْهُ وَفَضَحَهُ بِهِ عَلَى رُءُوسِ الْخَلَائِقِ بَيْنَ الْأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ

Terjemahan: Mana-mana lelaki yang menafikan nasab keturunan anaknya sedangkan ia melihat dengan jelas sabitan nasab anak tersebut, Allah (s.w.t) akan tidak akan melihatnya bahkan akan berhijab darinya pada hari kiamat. Dan Allah (s.w.t) akan malukan dia di hadapan seluruh makhluk sejak mula mereka diciptakan sehingga kalah yang terakhir.

(Al-Asqalani (1407H), nombor hadis 13572)

Justeru itu menafikan nasab adalah dosa besar kerana ia telah menafikan hak anak untuk memiliki ayah dan mendapat nasab keturunan yang sempurna disamping perbuatan itu juga merupakan satu tuduhan zina secara *ta'ridh* terhadap ibu anak tersebut.

Sebagaimana menafikan, Islam juga melarang seseorang mendakwa atau menasabkan dirinya kepada orang lain selain bapanya yang sebenar sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W.:

مَنْ أَدْعَى إِلَى غَيْرِ أَبِيهِ، وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ غَيْرُ أَبِيهِ، فَالْجَنَّةُ عَلَيْهِ حَرَامٌ.

Terjemahan: Sesiapa yang mendakwa atau menasabkan dirinya kepada seseorang yang bukan bapanya sedangkan ia mengetahui perkara tersebut maka syurga haram kepadanya.

(Sahih al-Bukhari, (1400H), nombor hadis 6766)

Berdasarkan kepada keterangan dari ayat-al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah S.A.W. di atas, jelaslah bahawa persoalan nasab merupakan persoalan yang sangat penting. Ia merupakan persoalan pokok yang mana banyak hukum hakam lain berpijak di atasnya. Antara yang berkaitan dengan persoalan nasab, aurat, komunikasi, pergaulan, perwalian dan pewarisan. Justeru, tajuk yang sedang dibincangkan ini hakikatnya tidak terhenti sekadar persoalan membin/bintikan anak tak sah taraf semata-mata tetapi juga melibatkan hak-hak lain yang sebahagianya merupakan asas pegangan dalam beragama.

Perkahwinan dan pewarisan sekalipun tidak dikategorikan sebagai ibadah khusus seperti sembahyang, zakat dan puasa tetapi ia adalah merupakan salah satu bentuk perkara-perkara ibadah yang mana kita wajib tunduk, pasrah dan patuh terhadap apa yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t.). Allah (s.w.t.) telah menurunkan hukum yang lengkap dalam kedua-dua persoalan di atas. Ini menunjukkan bahawa Allah (s.w.t.) tidak membenarkan campurtangan pendapat atau pandangan manusia kerana ditakuti ia akan dipengaruhi oleh hawa nafsu.

Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa:

1. Isu nasab adalah isu yang sangat besar dan sangat penting dalam agama Islam.
2. Isu nasab bukan sahaja memberi kesan dalam soal maruah, ia juga kelangsungan kepada beberapa isu yang sangat penting pada masa hadapan seperti perwalian, hubungan komunikasi dalam rumah, pewarisan, aurat dan sebagainya.
3. Oleh sebab ia sangat penting maka Allah (s.w.t.) menurunkan hukum berkaitan penasaban anak secara lengkap agar manusia tidak berhukum secara sesuka hati.

4. Penentuan nasab adalah hak prerogatif Allah (s.w.t.). Manusia tidak berhak menasabkan atau menafikan nasab anak sesuka hati. Tugas manusia hanya melaksanakan apa yang telah Allah (s.w.t.) tetapkan.

### **Kaedah Penasaban Anak Dalam Islam.**

Dalam Islam, penasaban anak boleh berlaku melalui 6 cara. Setiap satu daripadanya mempunyai syarat-syarat dan kaedah-kaedah tertentu. Perkara tersebut ialah:

1. Perkahwinan
2. Pengakuan/*istilhaq*
3. Keterangan
4. *Qiyafah*
5. *Qur'ah*
6. *Istifadah*

#### **1. Perkahwinan**

Perkahwinan wujud melalui satu akad kahwin yang sah antara suami dan wali/wakil wali bagi pihak perempuan dengan mematuhi rukun dan syarat-syarat perkahwinan. Sabitan nasab berlaku melalui perkahwinan berdasarkan hadis Rasulullah (s.a.w.):

الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ، وَلِلْعَاهِرِ الْحَجْرُ

Terjemahan: Anak itu di nasabkan kepada lelaki yang mempunyai nasab kepada lelaki yang mempunyai *al-Firasyh*. (hamparan, yakni perkahwinan atau pemilikan hamba), manakala lelaki yang berzina akan mendapat *al-hajar* (kekecewaan, yakni tidak mendapat nasab anak itu).

(Sahih al-Bukhari, (1400H), nombor hadis 6818)

Pensabitan nasab berdasarkan *al-firash* (perkahwinan) yang sah disyaratkan beberapa syarat seperti berikut:

- i. Kehamilan itu berpunca daripada kemampuan seorang suami untuk menghamilkannya isterinya iaitu si suami seorang yang baligh dan dewasa. Jika suami itu kanak-kanak yang tidak mungkin menghamilkannya isterinya, maka anak itu tidak dinasabkan kepada si suami.
- ii. Boleh berlaku persetubuhan antara suami isteri pada adatnya selepas akad nikah. Ini adalah pendapat mazhab Shafi'iyy, Malikiyy dan Hanbaliyy. Jika ternafi kebolehjadian persetubuhan antara suami isteri pada adatnya dan si isteri melahirkan anak selepas enam bulan daripada tarikh akad nikah, maka anak itu tidak boleh dinasabkan kepada si ayah. Manakala mazhab Hanafi tidak mensyaratkan syarat ini, bahkan mereka mengatakan bahawa akad nikah itu sendiri menjadikan si isteri sebagai hamparan (*al-firash*) kepada si suami. Ia sudah mencukupi untuk menasabkan anak kepada si suami walaupun tidak berlaku persetubuhan pada adatnya.
- iii. Si isteri melahirkan anak sekurang-kurangnya enam bulan daripada tarikh perkahwinan.
- iv. Si suami tidak menafikan anak itu dengan cara *li'an*. Jika suami menafikan anak itu dengan cara *li'an*, maka anak itu tidak dinasabkan kepadanya (al-Sartawiyy, Mahmud 'Aliyy, 1997: 539-544 & Shalabiyy, Muhammad Mustafa, 1977: 683-689).

Manakala anak yang lahir daripada persetubuhan dalam perkahwinan yang fasid boleh dinasabkan kepada si ayah jika dia dilahirkan sekurang-kurangnya enam bulan dan ke atas daripada tarikh pernikahan ayah dan ibunya. Jika dia dilahirkan kurang enam bulan daripada tarikh pernikahan ayah dan ibunya, maka dia tidak boleh dinasabkan kepada si ayah kecuali si ayah mengaku itu anaknya dan tidak mengatakan itu anak zina (al-Sartawiyy, Mahmud 'Aliyy. 1997: 542 & Shalabiyy, Muhammad Mustafa. 1977: 688).

## 2. Pengakuan/istilhaq

Pengakuan ialah “pemberitahuan tentang sesuatu hak dan hanya sabit pada orang yang memberitahu. Ia juga disebut sebagai *al-i tiraf* (pengiktirafan)” (al-Khin, Mustafa et. al, 2011: 3/585-586).

Nasab dengan pengakuan akan menjadi sabit dengan dua cara:

- i. Pengakuan nasab ke atas dirinya. Contohnya, seorang lelaki mengaku bahawa itu adalah anaknya dan dengan pengakuan itu, akan sabit bagi lelaki itu semua tanggungjawab Syarie seperti nafkah, perwarisan, pewalian dan lain-lain. Namun pengakuan ini disyaratkan beberapa syarat seperti berikut:
  - a. Pengaku dalam keadaan keadaan rela atau tidak dipaksa.
  - b. Jarak umur pengaku dan anak hendaklah logik. Jika seorang lelaki berumur dua puluh (20) tahun mengaku bahawa anak yang berumur lima belas (15) tahun itu adalah anaknya, maka pengakuan itu tidak diterima.
  - c. Anak yang didakwa anak itu tidak diketahui nasabnya kerana tidak boleh berlaku anak itu mempunyai dua nasab.
  - d. Hendaklah anak itu membenarkan pengakuan lelaki itu sekiranya anak itu sudah mumayyiz.
  - e. Hendaklah anak itu dalam keadaan hidup bagi mengelakkan tujuan mendapatkan harta anak itu.
  - f. Pengaku tidak menyebut dalam pengakuannya bahawa anak itu hasil daripada perbuatan zinanya.
- ii. Pengakuan nasab ke atas diri orang lain. Contohnya, seorang lelaki mengaku kepada orang lain bahawa dia adalah saudara kandungnya atau pakciknya atau cucunya.

## 3. Keterangan

Keterangan atau kesaksian ialah “*perkhabarhan yang benar di majlis kehakiman dengan lafaz shahadah untuk membuktikan hak ke atas orang lain*” (Zaydan, 'Abd al-Karim. 2011: 141). Fuqaha juga menamakan kesaksian (*al-shahadah*) dengan nama lain iaitu *al-bayyinah* kerana ia menerangkan dan menjelaskan sesuatu hak yang sebenar pada sesuatu yang dipertikaikan.

Keterangan yang mengesahkan nasab perlulah dengan kesaksian dua orang lelaki atau dengan seorang lelaki dan dua orang perempuan (Shalabiyy, Muhammad Mustafa. 1977: 705; al-Sartawiyy, Mahmud 'Aliyy, 1997: 546).

Apabila seseorang membuat pengakuan nasab terhadap seseorang anak, maka nasab anak itu akan sabit kepadanya. Namun jika ada lelaki lain yang mendakwa anak itu adalah nasabnya dengan mengemukakan bukti kukuh, maka lelaki kedua itu lebih berhak terhadap nasab itu. Ini kerana bukti lebih kuat berbanding pengakuan semata-mata dalam hal ini (Shalabiyy, Muhammad Mustafa. 1977: 705).

Namun pihak mahkamah perlu menjalankan penyiasatan terhadap bukti keterangan yang dikemukakan. Jika terbukti berlaku pendustaan, maka keterangan itu tidak diterima (al-Sartawiyy, Mahmud 'Aliyy. 1997: 546)

#### 4. Al-Qiyafah

Muhammad Ra'fat 'Uthman (1994: 431) berkata orang yang melakukan proses *al-qiyafah* dipanggil *al-q'a if* iaitu:

من يلحق النسب بغيره عند الاشتباه، بما خصه الله تبارك وتعالى به من علم ذلك.

Terjemahan: Orang yang boleh mensabitkan nasab dengan orang lain ketika berlaku persamaan (antara keduanya) dengan apa yang Allah Taala khusus kan ilmu demikian kepadanya.

Daripada definisi ini, dapat difahami bahawa *al-qiyafah* ialah proses mensabitkan nasab dengan cara melihat persamaan yang wujud antara dua orang. Ibnu Farhun (1986: 2/114) berkata, antara cara persamaan yang dimaksudkan dalam definisi di atas ialah dengan melihat tapak kaki antara dua orang.

Dalil kepada *al-qiyafah* ini ialah hadis yang diriwayatkan oleh 'A'ishah RA:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ وَهُوَ مَسْتَرُورٌ، فَقَالَ: يَا عَائِشَةُ، أَمَّ تَرَيْ أَنَّ مُجَازًا الْمَدْلِيَّ دَخَلَ عَلَيَّ فَرَأَى أُسَامَةَ بْنَ زَيْدَ وَرَبِيدًا وَعَلَيْهِمَا قَطِيفَةً، قَدْ غَطَّيَاهُمَا وَبَدَّتْ أَقْدَامُهُمَا، فَقَالَ: إِنَّ هَذِهِ الْأَقْدَامَ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ

Terjemahan: Daripada 'A'ishah dia berkata, Rasulullah SAW masuk kepadaku pada satu hari dalam keadaan gembira. Nabi bersabda, wahai 'A'ishah tidakkah engkau lihat bahawa Mujazziz al-Mudliyy masuk kepadaku dan melihat Usamah bin Zayd dan Zayd. Kedua-duanya diselimuti pakaian yang menutupi kepala mereka tetapi kaki mereka kelihatan. Dia (Mujazziz) berkata, sesungguhnya kaki-kaki ini sebahagiannya daripada sebahagian yang lain.

(Sahih al-Bukhari, (1400H), nombor hadis 6771)

Dalam riwayat yang lain:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيَّ قَائِفٌ، وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَاهِدٌ، وَأُسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ وَرَبِيدُ بْنُ حَارِثَةَ مُضْطَجِعًا، فَقَالَ: إِنَّ هَذِهِ الْأَقْدَامَ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ. قَالَ: فَسُرِّ بِذَلِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَعْجَبَهُ، فَأَخْبَرَ بِهِ عَائِشَةَ

Terjemahan: “Daripada 'A'ishah dia berkata, seorang qa'if masuk kepadaku dan Nabi SAW menyaksikannya. Usamah bin Zayd dan Zayd bin Harithah sedang berbaring. Dia (*qa'if*) berkata, sesungguhnya kaki-kaki ini sebahagiannya daripada sebahagian yang lain. Dia berkata, Nabi SAW gembira dan suka dengan berita itu lalu baginda memberitahu 'A'ishah tentangnya”.

(Sahih al-Bukhari, (1400H), nombor hadis 3731)

Hadis-hadis di atas menceritakan tentang penasaban Usamah bin Zayd. Timbul pertikaian kerana Usamah berkulit gelap, manakala Zayd berkulit cerah. Apabila Mujazziz yang arif dalam bidang *qiyafah* melihat Usamah dan Zayd tidur dalam satu selimut dan kaki mereka berdua kelihatan, beliau berkata, “kaki ini (yakni kaki Usamah) adalah sama dengan kaki Zayd. Itu yang menyebabkan Nabi SAW gembira, kerana perkara ini dapat menangkis tohmahan terhadap nasab Usamah. Hadis di atas juga menjelaskan bahawa Nabi SAW mengiktiraf *al-qiyafah* sebagai salah satu cara penasaban anak yang sah (Karma, Ahmad 'Ujaj. 1427H: 230).

### 5. Al-Qur'ah

Penasaban anak berdasarkan undian sabit berdasarkan penghakiman sayyidina 'Aliyy:

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ، قَالَ: أُتَّيَ عَلَيْهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَهُوَ بِالْيَمِنِ فِي ثَلَاثَةٍ وَقَعُوا عَلَى امْرَأَةٍ فِي طُهْرٍ وَاحِدٍ، فَسَأَلَ اثْنَيْنِ: أَتَقْرَانِ هَذَا بِالْوَلَدِ؟ فَقَالَا: لَا، ثُمَّ سَأَلَ اثْنَيْنِ، فَقَالَ: أَتَقْرَانِ هَذَا بِالْوَلَدِ؟ قَالَا: لَا، ثُمَّ سَأَلَ اثْنَيْنِ فَقَالَ: أَتَقْرَانِ هَذَا بِالْوَلَدِ؟ قَالَا: لَا، قَالَ: فَعَلَيْهِ كُلَّمَا سَأَلَ اثْنَيْنِ: أَتَقْرَانِ هَذَا بِالْوَلَدِ؟ قَالَا: لَا، فَأَفْرَغَ بَيْنَهُمْ، فَأَلْحَقَ الْوَلَدَ بِالَّذِي صَارَتْ عَلَيْهِ الْفُرْعَةُ، وَجَعَلَ عَلَيْهِ ثُلُثَيِ الدِّيَةِ، قَالَ: فَذُكِّرْ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَحَّكَ حَتَّى بَدَتْ نَوَاجِذُهُ.

Terjemahan: Daripada Zayd bin Arqam, dia berkata, 'Aliyy ketika di Yaman didatangkan dengan tiga orang yang berzina dengan seorang perempuan ketika perempuan itu suci. 'Aliyy bertanya dua daripada mereka, adakah kamu berdua mengaku anak ini. Mereka berdua berkata, tidak. Kemudian 'Aliyy bertanya dua daripada mereka, adakah kamu berdua mengaku anak ini. Mereka berdua berkata, tidak. Kemudian 'Aliyy bertanya dua daripada mereka adakah kamu berdua mengaku anak ini. Mereka berdua berkata, tidak. Zayd berkata, setiap kali 'Aliyy berkata, adakah kamu berdua mengaku anak ini. Mereka berdua berkata, tidak. Lalu 'Aliyy membuat undian antara mereka, dan menasabkan anak itu kepada orang yang terkena undian, dan mengenakan 2/3 diat ke atas lelaki itu. Zayd berkata, peristiwa ini diceritakan kepada Nabi SAW, lalu baginda ketawa hingga terlihat gerahamnya.

(Riwayat Al-Bayhaqiyy)

### 6. Al-Istifadah

Kaedah istifadah dalam penasaban anak ialah dengan menasabkan seseorang anak kepada seorang lelaki atau kabilah. Orang ramai di tempat itu juga menasabkan anak itu kepada seorang lelaki atau kabilah tanpa ada orang menyanggahnya atau tidak ada perkara yang boleh menimbulkan keraguan.

Istifadah ini sama tarafnya dengan penyaksian (*al-shahadah*) yang sah. Ia dianggap dalil yang Syarie atas kebenaran perkara ini dengan syarat jumlah orang ramai yang mengesahkan nasab anak itu dalam kuantiti yang ramai yang memustahilkan mereka berdusta. Ia dianggap penyaksian yang sah kerana nasab adalah perkara yang berkekalan sehingga ke mati. Sekiranya berlalu tempoh yang panjang tanpa dinasabkan anak itu pada permulaan kelahirannya, maka sukar untuk dinasabkan anak itu kemudiannya. Oleh itu penasaban anak melalui kaedah "istifadah" yakni anggapan orang ramai bahawa anak itu dinasabkan kepada seseorang adalah diharuskan.

Dalilnya bersandarkan kepada amalan para sahabat yang menasabkan anak-anak kepada kabilah atau nenek moyang mereka dan Nabi SAW tidak meminta saksi untuk mengesahkan pernilahan bersandarkan kepada zahir. Nabi SAW hanya berpada dengan "istifadah" atau tersebarnya berita penasaban anak itu di kalangan orang ramai tanpa ada orang yang menyanggahnya. Jadi hukum penasaban anak boleh dibina berdasarkan perkara tersebut (*istifadah*) (al-Khin, Mustafa et. al. 2011).

*ii. Berdasarkan kes-kes mahkamah terdahulu yang dirujuk*

- i. Wan Azmi Iwn Nik Salwani [1991] JH 192.
- ii. Wan Khairi Wan Azmi v Farah Nurliliana Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344.
- iii. Zafrin Zulhilmi b Pauzi Iwn Noor Aini bt Nasron (kes tidak dilaporkan dalam JH).

**Kajian Kes 1: Wan Azmi Iwn Nik Salwani [1991] Jurnal Hukum 192**

*Fakta kes:*

Kes ini pada asalnya adalah kes tuntutan penceraian oleh suami yang kemudiannya diikuti oleh tuntutan balas nafkah anak oleh isteri. Walaupun fakta kes agak berbeza dari isu pengesahan nasab namun salah satu perintah yang dibuat oleh Yang Arif Hakim Bicara ialah anak yang telah dilahirkan oleh Yang Kena Tuntut adalah lebih dari 6 bulan dan hendaklah dianggap anak yang sah kepada yang menuntut.

Dalam kes ini, Yang Menuntut (bekas suami) telah diakad nikah dengan Yang Kena Tuntut (bekas isteri) pada 29/6/1987 dan kemudian mereka telah bercerai pada 21/12/1987 di Mahkamah Kadi, Jalan Tumpat, Kelantan. Yang Kena Tuntut telah menuntut tuntutan nafkah anak dan nafkah mengandung dari Yang Menuntut di Mahkamah Kadi, Jajahan Kota Bharu. Anak itu dilahirkan pada 18/3/1988 iaitu 8 bulan selepas tarikh perkahwinan. Yang Menuntut menafikan anak itu adalah anak kandungnya dan memohon perintah mengisyiharkan anak itu bukan anaknya.

*Mahkamah memutuskan:*

- 1) Oleh kerana ada keterangan bahawa Yang Menuntut telah menyetubuh Yang Kena Tuntut dan anak itu dilahirkan dari 6 bulan dari berlaku persetubuhan itu, anak itu hendaklah dianggap anak yang sah kepada Yang Menuntut.
- 2) Dalam kes ini, pihak Yang Kena Tuntut (suami - dalam kes tuntutan balas-isu nafkah) walaupun mengetahui bahawa bekas isterinya telah melahirkan anak tidak terus menafikannya tetapi hanya menafikannya setelah tuntutan nafkah anak itu dibuat.

Berdasarkan keputusan kehakiman ini, anak yang dilahirkan selepas 6 bulan dari tarikh persetubuhan adalah disabitkan kepada bapa yang wujud dalam satu-satu perkahwinan tersebut jika tiada penafian berbentuk *li'an*.

**Kajian Kes 2: Wan Khairi Wan Azmi v Farah Nurliliana Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344.**

*Fakta kes:*

Kes ini adalah permohonan pengesahan taraf anak yang dibuat oleh pemohon bernama Wan Khairi b Wan Azmi manakala respondennya adalah Farah Juliana bt Jauhari.

Dalam permohonan ini, Pemohon adalah seorang peniaga di Pasar malam, manakala responden adalah seorang suri rumah sepenuh masa. Dalam permohonan ini juga responden tidak membantah permohonan pemohon malah turut menyokong permohonan pemohon supaya bayi lelaki yang telah dilahirkan pada 7 Disember 2010 jam 9.02 minit pagi seberat 3.4kg di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu Kelantan itu disabitkan anak responden bersama suaminya Wan Khairi b Wan Azmi KP: 910727-03-5435. Dalam permohonan ini pemohon memohon bayi itu dinasabkan kepada pemohon.

*Mahkamah memutuskan:*

Bayi lelaki yang telah dilahirkan oleh Farah Nurliliana bt Jauhari pada 7 Disember 2010 adalah anak sah taraf dan hendaklah dinasabkan (dibinkan) kepada Wan Khairi b Wan Azmi setelah mahkamah berpuas hati bahawa responden telah melahirkan bayi berkenaan dalam tempoh melebihi 6 bulan 2 lahzoh dari tarikh akad nikah perkahwinannya dengan pemohon.

### Kajian Kes 3: Zafrin Zulhilmi b Pauzi lwn Noor Aini bt Nasron (kes tidak dilaporkan dalam Jurnal Hukum)

Kes ini tidak dilaporkan di dalam Jurnal Hukum. Ia berlaku di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu dalam perkara: Permohonan Pengesahan Taraf Anak, no. permohonan 11300-006-0033-2012.

#### Fakta kes:

Kes ini adalah permohonan supaya mahkamah membuat sabitan seorang bayi perempuan yang diberi nama Nur Damia Aqilla bt Abdullah, no sijil kelahiran 100903-11-1568 adalah anak sah taraf mengikut hukum syarak bagi pasangan Noor Aini bt Nasron KP891101-11-5758 dengan Zafrin Zulhilmi b Pauzi KP910411-11-5025. Mereka telah diakad nikahkan pada 16 April 2010 (1 Jamadil Awwal 1431H).

Bayi tersebut telah dilahirkan pada 3 September 2010 (24 Ramadan 1431H) iaitu setelah berada dalam kandungan selama 4 bulan 24 hari sahaja.

#### Mahkamah memutuskan:

Dengan mengambil pandangan Ibn Taymiyyah dan Dr. Abdul Karim Zaydan mahkamah memutuskan bayi yang bernama Nur Damia Aqilla bt Abdullah adalah anak kepada Zafrin Zulhilmi b Pauzi mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan (sabitan secara *istilhaq*). Dengan demikian, anak berkenaan adalah anak sah taraf kepada pemohon dalam semua perkara kecuali dalam kuasa perwalian dan pewarisan. Ini bermakna anak berkenaan hendaklah dinasabkan kepada pemohon tetapi pemohon tidak boleh menjadi wali kepadanya dan anak itu dan pemohon tidak boleh saling mempusakai.

### Perbincangan Pelajar – Protokol 4

Dalam menyelesaikan kes Khairul Azmi, pelajar boleh menampilkan keterangan melalui mana-mana kaedah penasaban yang diharuskan oleh Islam. Setiap keterangan mestilah disandarkan kepada hujah dari sudut hukum syarak. Pelajar perlulah:

1. Mengaitkan fakta isu/fakta kes dengan hukum syarak.
2. Memberi justifikasi kenapa satu-satu kaedah itu digunakan.
3. Mengemukakan dalil/bukti hujahan bagi menguatkan pandangan masing-masing.

### Kesimpulan dan pandangan rajih (kuat)

#### Fakta kes

1. Khairul Azmi telah melangsungkan perkahwinan dengan Syukriah secara sah pada 9-6-2010 (26 Jamadil Akhir 1431H) jam 9.00pm.
2. Syukriah melahirkan anak pada 7-12-2010 (1 Muarram 1432H) jam 9.02am.
3. Tempoh kandungan melebihi 6 bulan 2 saat mengikut perkiraan bulan *hijriah* dari tarikh akad nikah perkahwinan. (tempoh sebenar ialah 6 bulan 4 hari)
4. Telah berlaku persetubuhan antara suami isteri pada adatnya dalam tempoh perkahwinan tersebut.
5. Isteri tidak pernah menafikan nasab anak ini kepada Khairul Azmi.
6. Suami juga tidak menafikan nasab anak tersebut dengan cara *li'an*.

#### Kaedah sabitan nasab anak yang digunakan.

Berdasarkan fakta kes di atas maka kaedah sabitan nasab yang boleh digunakan ialah kaedah pertama iaitu perkahwinan. Kaedah ini dipilih kerana:

1. Ia adalah kaedah asal sabitan nasab.
2. Ia adalah kaedah yang terkuat jika dapat dibuktikan kesahihannya.

3. Wujud keterangan yang yakin mengenai tarikh dan waktu perkahwinan pasangan tersebut dan tempoh kelahiran anak yang menjadi fakta isu.

### Huraian fakta kes

Perkara pertama yang perlu dirungkaikan ialah soal perkahwinan: Pasangan ini telah berkahwin secara sah pada 9-6-2010 (26 Jamadil Akhir 1431H) jam 9.00 malam. Perkahwinan ini telah di daftarkan oleh Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk orang Islam Daerah kampung Berol. Sejak di akad nikah mereka tinggal bersama dan pada masa ini mereka masih pasangan suami isteri. Justeru perkahwinan mereka adalah sah.

Perkara kedua yang perlu dirungkaikan ialah soal anak. Iaitu anak yang dipertikaikan mestilah anak pasangan tersebut. Menurut hukum fikah sekurang-kurang tempoh kehamilan ialah 6 bulan 2 saat. Ia di *istibat* dari dalil-dalil berikut:

1. Firman Allah (al-A'raf 7:189):

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيُسْكُنَ إِلَيْهَا فَلَمَّا تَعَشَّلَهَا حَمَلَتْ حَمْلًا حَقِيقًا فَمَرَرْتُ بِهِ

Terjemahan: Dia lah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Ia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengandung lah ia dengan kandungan yang ringan, serta teruslah ia dengan keadaan itu (ke suatu waktu).

2. Firman allah lagi (al-Ahqaf 46:15)

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَلَدِيهِ إِحْسَنًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُنْهًا وَوَضَعَتْهُ كُنْهًا وَحَمْلُهُ وِفِصَالُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Terjemahan: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandung nya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandung nya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan.

3. Firman Allah lagi (Luqman 31:14)

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَلَدِيهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّ عَلَى وَهْنٍ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ

Terjemahan: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandung nya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun.

Surah al-Ahqaf 46:15 menjelaskan bahawa tempoh mengandung hingga tempoh menceraikan susu adalah 30 bulan, manakala surah Luqman 31:14 pula menjelaskan bahawa tempoh menceraikan susu ialah 2 tahun iaitu 24 bulan. Oleh yang demikian tempoh sependek-pendek hamil atau mengandung ialah 6 bulan.

Di dalam kitab Bughiyat al-Mustarsyidin oleh imam al-Ba'lwy di nyatakan bahawa yang bermaksud:

“Seorang perempuan hamil dari perbuatan zina, kemudian dia melangsungkan akad nikah perkahwinan dengan seorang lelaki, dalam tempoh perkahwinan berkenaan, suaminya itu berkeupayaan tinggal bersamanya sebagai suami isteri, lalu dalam tempoh 6 bulan 2 saat dari tarikh akad nikah perkahwinan mereka, perempuan berkenaan

melahirkan anak, dalam hal suaminya itu berkeupayaan melakukan persetubuhan dengannya, maka anak itu hendaklah dinasabkan kepada lelaki yang menjadi suaminya”.

(Jurnal Hukum Jilid 35: Bahagian 1: 175)

Berdasarkan kepada tarikh pernikahan dan kelahiran dapatlah disimpulkan sebegini.

	Bulan	Kiraan bulan/hari
1	Berkahwin pada 9 Jun 2010 = 26 Jamadil Akhir 1431	-
2	Jamadil Akhir 1431 (dari 27-30 haribulan) = 9 Jun 2010	3 hari
3	Rejab 1431	Satu bulan
4	Syaaban 1431	Satu bulan
5	Ramadan 1431	Satu bulan
6	Syawal 1431	Satu bulan
7	Zulkaedah 1431	Satu bulan
8	Zulhijjah 1431	Satu bulan
9	1 Muharram 1432 = 7 Dis 2010 (Hari lahirkan anak)	Satu hari
10	Anak dilahirkan pada 7 Dis 2010 = 1 Muharram 1432	-
	Jumlah	6 bulan 4 hari

Berdasarkan kepada pengiraan di atas maka tempoh kelahiran bayi adalah melebihi 6 bulan 2 saat dari tarikh akad nikah perkahwinan.

Oleh sebab tiada penafian dari pihak isteri dan tiada lian dari suami maka anak tersebut wajib dibintikkan kepada Khairul Azmi.

### Kesimpulan Kajian Kes – Protokol 5

Kesimpulan kajian kes adalah Khairul Azmi tidak perlu merasa curiga tentang nasab anaknya walaupun ia dilahirkan lebih awal dari tempoh kelahiran biasa. Penetapan kesahan taraf anak hendaklah ditentukan mengikut panduan agama yang telah di gariskan oleh hukum syarak. Manusia tidak berhak mensabitkan atau menafikan kesahan taraf anak tanpa sandaran hukum syarak.

### Kesimpulan

Protokol ini telah membolehkan pelajar boleh memahami dengan jelas proses penyelesaian masalah secara sistematis. Ia seterusnya memberi impak kepada penyelesaian masalah berkaitan perundungan dengan lebih terperinci, jelas dan sistematis sekali gus menyumbang kepada peningkatan tahap kemahiran pelajar undang-undang khususnya Syariah dalam menyelesaikan sesuatu kes. Makalah ini mencadangkan agar proses pembelajaran dan pengajaran berasaskan kajian kes seperti ini diadaptasikan kepada kes-kes lain yang berkaitan agar kemahiran tersebut dapat diterapkan kepada pelajar undang-undang khasnya dalam bidang Syariah.

### Rujukan

- al-Khin, M., al-Bughā, M., & al-Sharbajī, A. (2013). *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī* (14<sup>th</sup> ed. Vol. 3). Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Naysabury. Muhammad b Abdullah Abu Abdullah al-Hakim (1990) *Mustadrak Ala al-Sahihayn*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sartawiyy, Mahmud ḨAliyy. (1997). *Sharh Qanun al-Ahwal al-Syahsiyyah*. Amman: Dar al-Fikr.
- Ibnu Farhun. Burhan al-Din Ibrahim ‘Ali b Muhammad (1986). *Tabsirat al-Hukkam Fi Usul al-Aqdiyyah Wa Manahij al-Ahkam*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyah al-Azhariyyah.
- Karma, Ahmad ḨUjaj. (1427H). *Al-Idarah fi ‘Asr al-Rasul s.a.w*. Kaherah: Dar al-Salam.

- Muhammad b Futuh al-Humaydi (2002) *al-Jam'u Bayn al-Sahihayn al-Bukhary wa Muslim*. Jil. 1. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Shalabiyy, Muhammad Mustafa. (1977). *Ahkam al-Usrah Fi al-Islam Dirasah Muqaranah Bayna Fiqh al-Mazahib al-Sunniyyah Wa al-Mazhab al-Ja'fariyyah Wa al-Qanun*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Wan Azmi Iwn Nik Salwani [1991] Jurnal Hukum 192.
- Wan Khairi Wan Azmi v Farah Nurliliana Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (2011). *Nizam al-Qada' Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasat al-Risalah.